

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI I : 2024 / 2025**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 20213
PRINSIP PERAKAUNAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
 2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
 3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
 5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.
-

Kertas soalan ini mengandungi **TUJUH BELAS (17)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1.

Dokumen **X** digunakan dalam urusan niaga kredit. Ia dikeluarkan oleh penjual kepada pembeli.

CLO1
T3

Kenal pasti dokumen **X** yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A** Resit
 - B** Invois
 - C** Keratan cek
 - D** Makluman kredit
2. Berikut merupakan proses yang terlibat dalam kitaran perakaunan **KECUALI** CLO1
T3
- A** Diskaun niaga
 - B** Imbangan duga
 - C** Dokumen sumber
 - D** Buku catatan pertama

3.

Encik Fatah Amin telah membeli perabot untuk kegunaan pejabat bernilai RM 1,550.00 secara tunai.

CLO1
T3

Kenal pasti buku catatan pertama yang sesuai dengan situasi di atas.

- A** Jurnal am
- B** Buku tunai
- C** Jurnal jualan
- D** Jurnal belian

4.

Encik Alif Teega telah memulangkan barang niaga bernilai RM 110.00 kerana tersalah jenama.

CLO1
T3

Kenal pasti dokumen yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A Invois
- B Nota debit
- C Nota kredit
- D Baucar bayaran

5. Rajah 1 menunjukkan Buku Catatan Pertama

CLO1
T3



Rajah 1

Nyatakan Y berdasarkan Rajah 1 di atas.

- A Am
- B Khas
- C Belian
- D Buku tunai

6. Pilih urusan niaga yang perlu direkod dalam Jurnal Am. CLO1
T3
- I. Membuat catatan pembukaan akaun.
 - II. Membeli barang niaga bernilai RM 500.00 secara kredit.
 - III. Memulangkan barang niaga bernilai RM 100.00 kerana tersalah saiz.
 - IV. Membeli mesin pencetak daripada Syarikat Ricoh Sdn Bhd secara kredit bernilai RM 3,500.00.
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
7. Nyatakan tujuan diskaun niaga diberikan kepada pelanggan. CLO1
T3
- A** Menggalakkan pelanggan membeli secara tunai.
B Menggalakkan pelanggan membeli secara kredit.
C Menggalakkan pelanggan membeli dengan banyak.
D Menggalakkan pembayaran hutang dengan segera.
8. Dokumen manakah yang terlibat dalam urusan niaga jualan atau belian secara tunai? CLO1
T3
- A** Resit
B Invois
C Nota debit
D Makluman kredit
9.

Jualan tunai berjumlah RM 2,500.00 telah dibankkan.

CLO1
T3
- Akaun apakah yang perlu didebitkan bagi urusan niaga tersebut.
- A** Akaun Bank
B Akaun Tunai
C Akaun Jualan
D Akaun Pulangan Jualan

10. Jadual 1 menunjukkan petikan Jurnal Am bagi Syarikat Ara Johari.

CLO1

T3

JURNAL AM

Tarikh	Butir	Folio	Debit (RM)	Kredit (RM)
2024 Mei 23	Kenderaan Maju Motor Trading		28,800.00	28,800.00

Jadual 1

Berdasarkan Jurnal Am di atas, apakah keterangan yang **BETUL** dengan urusaniaga yang telah direkodkan?

- A** Syarikat Ara Johari telah menjual kenderaan secara kredit.
- B** Syarikat Ara Johari telah membeli kenderaan secara kredit.
- C** Syarikat Ara Johari telah menjual kenderaan secara kredit kepada Maju Motor Trading.
- D** Syarikat Ara Johari telah membeli kenderaan secara kredit daripada Maju Motor Trading.

11. Jadual 2 menunjukkan petikan Buku Tunai Perniagaan Che Sayang yang menjalankan perkhidmatan katering.

CLO1
T3

Dt

Tarikh	Butir	F	Dis	Tunai	Bank
2024				RM	RM
April 14	Pn Aisyah Hijanah				3,300.00

Jadual 2

Berdasarkan Buku Tunai di atas apakah keterangan yang **BETUL** dengan urusniaga yang telah direkodkan?

- A** Perniagaan Che Sayang telah membeli barang niaga dengan cek.
- B** Perniagaan Che Sayang menjelaskan hutang kepada Pn Aisyah Hijanah dengan cek.
- C** Pn Aisyah Hijanah menjelaskan hutang kepada Perniagaan Che Sayang dengan cek.
- D** Perniagaan Che Sayang telah membeli barang niaga secara kredit daripada Pn Aisyah Hijanah.

12. Pilih urus niaga yang perlu direkod di dalam Buku Tunai.

CLO1
T3

- I. Bayar insurans berjumlah RM 1,200.00 dengan cek.
- II. Jualan barang niaga bernilai RM 400.00 secara tunai.
- III. Memulangkan barang niaga kepada pembekal berjumlah RM 120.00 kerana telah rosak.
- IV. Menjual barang niaga kepada Syarikat Megah Trading bernilai RM 2,900.00 secara kredit.

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

13. Pada 11 September 2024, Pn Ira Kazar telah membeli barang niaga dengan CLO1
cek berjumlah RM 1,750.00. T3

Padankan catatan lejar yang menerangkan urus niaga tersebut.

	Debit	Kredit
A	Akaun Bank	Akaun Belian
B	Akaun Bank	Akaun Modal
C	Akaun Belian	Akaun Tunai
D	Akaun Belian	Akaun Bank

14. Apakah yang dimaksudkan dengan Imbangan Duga. CLO1
T4

- A** Senarai baki - baki akaun yang diambil daripada lejar.
- B** Senarai baki - baki akaun yang diambil daripada jurnal.
- C** Senarai baki - baki akaun yang diambil daripada Penyata Kedudukan Kewangan.
- D** Senarai baki - baki akaun yang diambil daripada Akaun Perdagangan dan Untung Rugi.

15. Nyatakan fungsi Imbangan Duga yang **BETUL**. CLO1
T4

- A** Menghitung jumlah hasil.
- B** Menyemak ketepatan catatan bergu.
- C** Mengira untung kasar dan untung bersih.
- D** Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan.

16. Kenal pasti baki akaun yang dicatatkan di sebelah **debit** Imbangan Duga.

CLO1

T4

- I. Pinjaman
- II. Penghutang
- III. Overdraf Bank
- IV. Faedah atas pinjaman

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

17. Jadual 3 menunjukkan petikan Imbangan Duga yang diperolehi daripada Kedai Emas Sri Tanah Merah.

CLO1

T4

Imbangan Duga Pada 31 Disember 2023		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Perabot	10,200.00	
Komisen Diterima		9,600.00
P	5,480.00	

Jadual 3

Nyatakan akaun yang sesuai bagi mewakili **P** ?

- I. Pemiutang
- II. Insurans kedai
- III. Diskaun diberi
- IV. Pulangan belian

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

18. Maklumat di Jadual 4 ialah petikan Imbangan Duga Syarikat Aina Abdul.

CLO1

T4

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
I	Belian	6,320.00	
II	Sewa	1,350.00	
III	Ambilan		1,240.00
IV	Pulangan Jualan		1,860.00

Jadual 4

Berdasarkan kepada jadual di atas, yang manakah menunjukkan kesilapan catatan dalam Imbangan Duga?

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

19. Akaun manakah yang disenaraikan dalam ruangan **kredit** Imbangan Duga?

CLO1

T4

- I. Modal
- II. Overdraf
- III. Penghutang
- IV. Kelengkapan pejabat

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

20. Petikan Imbangan Duga di Jadual 5 diperolehi daripada Perniagaan Ahmad Nisfu.

CLO1T4

Imbangan Duga pada 31 Disember 2023	
Butir	(RM)
Alatan Pejabat	35,300.00
Pemiutang	20,750.00
Belian	21,500.00
Jualan	37,800.00
Insurans	1,750.00

Jadual 5

Berapakah angka imbangan pada tarikh itu?

- A** RM 42,500.00
- B** RM 58,550.00
- C** RM 62,500.00
- D** RM 65,550.00

BAHAGIAN B

[60 markah]

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.**Soalan 1**

- a) Senaraikan **EMPAT (4)** dokumen perniagaan yang digunakan sebagai sumber maklumat dan perlu dicatat dalam buku perakaunan. CLO1
T3

[4 markah]

- b) Invois berikut diambil daripada Intan Percelin.

Asal	IP 1002		
INVOIS INTAN PERCELIN			
			Tarikh : 2 Jun 2018
Kepada : Idaman Kraf Ayer Hitam, Johor			
Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)
Pasu besar seramik	1 000	9	9 000
			9 000
Diskaun niaga 10%			900
Jumlah			8 100
(Ringgit : Lapan ribu satu ratus sahaja)			
Syarat : 5% 10 hari, Serahan : Angkutan dibayar K & K di K			
			isma Pengurus

Berdasarkan invois tersebut, laporkan perkara berikut :

- i. Siapakah yang membuat pembelian pasu besar seramik?
- ii. Nyatakan tujuan invois tersebut dikeluarkan?

[1 markah]

[1 markah]

- iii. Sekiranya Idaman Kraf menjelaskan hutangnya pada 10 Jun 2018, berapakah jumlah yang perlu dibayar?

[2 markah]

- c) Jelaskan fungsi bagi dokumen di bawah :

- i. Nota Debit

[2 markah]

- ii. Nota Kredit

[2 markah]

- d) Baki - baki berikut diperoleh daripada buku perakaunan Syarikat Michael Ang pada 1 Jun 2024.

Butir	Jumlah (RM)
Tunai	3,850.00
Bank	10,550.00
Kenderaan	45,900.00
Penghutang	6,420.00
Pinjaman	28,600.00
Alatan Pejabat	18,640.00
Pemiutang	5,490.00
Modal	51,270.00

Rekodkan catatan pembukaan ke dalam Jurnal Am.

[4 markah]

e) Berikut adalah urusan niaga bagi Syarikat Erysa Emira Scarf.

Tarikh	Urus Niaga	Catatan
2024 Jan 1	Membawa masuk tunai berjumlah RM 2,900.00 dan bank berjumlah RM 10,600.00 sebagai modal perniagaan.	A
Jan 11	Belian barang niaga secara kredit bernilai RM 2,400.00 daripada Syarikat Kekaboo.	B
Jan 17	Menjual barang niaga secara kredit bernilai RM 1,750.00 kepada Hana Scarf	C
Jan 22	Puan Erysa membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan perniagaan bernilai RM 2,000.00.	D

Terjemahkan jurnal yang sesuai bagi **A**, **B**, **C** dan **D** berdasarkan urusan niaga di atas.

[4 markah]

Soalan 2

- a) Buku Catatan Pertama merupakan buku catatan asal yang digunakan untuk merekodkan semua urusanniaga perniagaan mengikut kronologi tarikh sebelum ianya diposkan ke lejar. CLO1
T3

Nyatakan **DUA (2)** jenis Buku Catatan Pertama.

[2 markah]

- b) Nyatakan **EMPAT (4)** urusanniaga yang direkodkan ke dalam Jurnal Am.

[4 markah]

- c) Urusniaga di bawah telah diperoleh daripada Syarikat Bulan Terang sepanjang bulan Mac 2024.

Tarikh	Urus Niaga
2024 Mac 1	Membawa masuk tunai berjumlah RM 3,300.00 bank berjumlah RM 7,900.00 dan kenderaan berjumlah RM 25,100.00 sebagai modal perniagaan.
Mac 12	Membeli alatan pejabat secara kredit bernilai RM 2,800.00 daripada Perniagaan Jasa Bakti.
Mac 15	Membawa masuk komputer peribadi bernilai RM 1,500.00 untuk kegunaan perniagaan.

Tentukan urusanniaga di atas ke dalam Jurnal Am.

[4 markah]

- d) Berikut adalah urusan niaga yang berlaku bagi Syarikat Nasi Berlauk Malam Fizo Omar sepanjang bulan Februari 2024.

Tarikh	Urus Niaga
2024 Feb 4	Membeli barang niaga daripada Syarikat Sudin Kubis secara kredit berjumlah RM 3,200.00.
Feb 10	Menjual barang niaga berjumlah RM 2,200.00 kepada Kedai Nasi Pok Pen secara kredit.
Feb 18	Kedai Nasi Pok Pen memulangkan barang niaga RM 150.00 kerana rosak.
Feb 25	Menjual barang niaga berjumlah RM 1,900.00 kepada Restoran Ayutya secara kredit.

Rekodkan urusan niaga di atas ke dalam Jurnal Khas.

[4 markah]

- e) Berikut adalah urusan niaga yang berlaku bagi Perniagaan Mas Idayu.

BUKU TUNAI

Tarikh	Butiran	Dis	Tunai	Bank	Tarikh	Butiran	Dis	Tunai	Bank
2024					2024				
Mei 1	Baki b/b		1,250.00	6,320.00	Mei 5	Belian			1,740.00
10	Jualan		1,850.00		7	Sewa kedai			850.00
17	Dividen			1,000.00	15	Pemborong Setia		930.00	
					28	Gaji			2,000.00
					31	Baki h/b		2,170.00	2,730.00
			3,100.00	7,320.00				3,100.00	7,320.00

Terjemahkan Buku Tunai di atas ke catatan lejar yang bersesuaian.

[6 markah]

Soalan 3

a) Nyatakan **DUA (2)** fungsi Imbangan Duga.

CLO1

[4 markah] T4

b) Maklumat berikut diperolehi daripada Butik Zoe Arissa pada 30 Jun 2024.

Butir	Jumlah (RM)
Alatan pejabat	30,260.00
Modal	42,180.00
Pemiutang	6,890.00
Bank	24,670.00
Belian	20,830.00
Komisen diterima	1,750.00
Jualan	29,040.00
Sewa pejabat	4,100.00

Rekodkan butiran di atas ke dalam Imbangan Duga Butik Zoe Arissa pada 30 Jun 2024.

[8 markah]

- c) Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Syarikat Khairul Fahmi dan mempunyai beberapa kesilapan.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2023		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Tunai	1,490.00	
Kenderaan		34,700.00
Modal	70,500.00	
Pinjaman	50,000.00	
Penghutang		4,850.00
Jualan	5,520.00	
Pemiutang	2,610.00	
Belian		3,730.00
Pulangan belian		260.00
Belanja pengiklanan		880.00
Diskaun diterima		1,100.00

Salin Imbangan Duga di atas dan susun semula baki debit dan kredit ke ruangan yang betul.

[8 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab